

01/02/2001

Usia 84 tahun masih mengajar

Ihsan Noorzali

ALOR STAR, Rabu - Istilah bersara tidak ada dalam kamus hidup seorang bekas guru di sini, yang pernah mengajar Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, lebih setengah abad lalu.

Bagi Omar Mohamad, 84, mencurahkan bakti dalam mendidik anak bangsa menjadi manusia berilmu dan berguna tiada noktahnya.

Justeru, beliau yang pernah mengajar Dr Mahathir di Sekolah Kebangsaan Seberang Perak, di sini sekitar tahun 1930-an, terus 'bergelumang' dengan kerenah kanak-kanak walaupun telah bersara kira-kira 30 tahun lalu.

Omar, lebih mesra dengan panggilan Pak Omar dan bersara rasmi pada 1971, kini mendidik kanak-kanak tadika di pekarangan masjid lama Akar Peluru, Jalan Pegawai di sini.

Beliau berpegang kepada pepatah Melayu, 'Melentur Buluh Biarlah Dari Rebungnya' menjadi panduan dalam proses mendidik anak menjadi bangsa berguna. Usia lanjut tidak menghalangnya untuk mencurahkan bakti menerusi Tadika Pak Omar bagi mendidik anak kecil membina masa depan lebih cemerlang.

Menceritakan kesanggupannya untuk terus berbakti, Pak Omar berkata, ia berpunca daripada nasihat Perdana Menteri ketika beliau mendapatkan rawatan di Klinik Maha milik Dr Mahathir selepas persaraan, kira-kira 30 tahun lalu.

"Selepas pencen daripada dunia perguruan, saya mendapatkan rawatan kesihatan daripada Dr Mahathir di kliniknya di Alor Star.

"Dr Mahathir menasihatkan saya supaya tidak duduk diam, sebaliknya terus bekerja bagi memastikan badan terus aktif walaupun sudah bersara," katanya ketika ditemui di tadikanya hari ini.

Berikutan nasihat itu, Pak Omar membuka tadika di Madrasah Simpang Kuala, di sini pada 1975 untuk mendidik kanak-kanak di sekitar kawasan berkenaan.

Pada 1997, tadikanya berpindah ke sebuah bangunan di pekarangan masjid lama Akar Peluru. Ketika ini, Tadika Pak Omar mempunyai 87 murid, iaitu 49 lelaki dan 38 perempuan dengan yuran RM15 sebulan setiap pelajar.

Bagi mengendalikan tadika berkenaan, Pak Omar dibantu tiga guru wanita iaitu Salina Yaakub, 33; Mohaini Othman, 36; dan Roslina Roslan, 21.

Gaji mereka dibayar oleh Jabatan Agama Islam Kedah (Jaik) dan Pak Omar sendiri.

Ditanya sampai bila beliau akan mencurahkan pengalamannya sebagai guru, Pak Omar berkata, mendidik anak bangsa tidak ada penghujungnya.

"Ia mesti dilakukan selagi kita mampu. Usia sepatutnya tidak menjadi penghalang. Lagipun saya memang sukakan kanak-kanak dan mereka perlu terus dididik supaya mampu meneruskan kehidupan lebih selesa," katanya.

Paling menarik, kaedah pendidikan Pak Omar membolehkan muridnya mengenal huruf, membaca selepas tiga bulan belajar di tadikanya.

Beliau berkata, tidak ada rahsia tertentu dalam membolehkan kanak-kanak itu cepat membaca.

"Kami tidak menyediakan kegiatan permainan dan nyanyian supaya kanak-kanak memberi lebih tumpuan kepada pembelajaran," katanya.

(END)